

Aktiviti kemasyarakatan USIM di Kemboja, Vietnam

SEREMBAN 7 Sept. - Seramai 26 warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalankan aktiviti kemasyarakatan di Kemboja dan Vietnam menerusi program Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia Merentas ASEAN 2011 baru-baru ini.

Program selama seminggu anjuran Urusetia Latihan Pembangunan Mahasiswa (ULPM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM itu turut bertujuan mengeratkan hubungan antara saudara Islam di negara berkenaan.

Pengarah Program, Aisyah Nasir berkata, objektif utama pelaksanaannya adalah bagi memberi peluang kepada penuntut menjalankan aktiviti kemasyarakatan ke arah memajukan masyarakat Islam di luar negara dari segi kerohanian, intelektual dan jasmani sekali gus memperkasakan jenama USIM ke perada antarabangsa.

“Program ini dijalankan selama tiga hari di Kemboja dan empat hari di Vietnam, di mana ia telah dirancang dan disertai oleh 24 orang penuntut termasuk dan dua pegawai pengiring.

“Aktiviti ini telah dirancang sejak 2009 menerusi kajian keberkesannya melibatkan beberapa universiti di Korea Selatan,” katanya di sini semalam.



SALAH seorang pelajar USIM membantu anak-anak Kemboja dalam kemahiran tulisan jawi pada program Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia Merentas ASEAN 2011, baru-baru ini.

Jelas Aisyah, melalui kajian tersebut ULPM telah menukar corak objektif program kepada aktiviti pengantarabangsa dan baktisiswa

kemasyarakatan dengan memilih Kemboja dan Vietnam sebagai destinasi program.

“Peserta terlibat telah menyam-

paikan sumbangan pakaian terpakai kepada penduduk Islam di Kampung Terapung Air Tasik Tonle Sap, Kemboja yang merupakan pendu-

duk Islam miskin di negara berkenaan dan juga merupakan kumpulan minoriti berbanding agama lain.

“Sementara di Vietnam, peserta telah melawat ke Kampung Chao Phong di daerah Chao Doc dan menyampaikan sumbangan berbentuk beras kepada 100 wakil keluarga,” ujarnya.

Tambahnya, selain sumbangan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan bersama penduduk setempat seperti sukaneka, pembelajaran dan bacaan Qiraat serta amali bacaan dalam solat

“Kita juga sempat mengadakan pertemuan dua hala bersama Mufti Kemboja, Kamarudin Yusof di pejabatnya di Phnom Penh seterusnya menjalankan aktiviti menulis tulisan khat dan nyanyian nasyid dalam bahasa Melayu bersama pelajar Sekolah Menengah Agama An-Nikmah kelolaan Pejabat Mufti Kemboja,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi ULPM USIM, Zahaby Zainuddin berkata, pengalaman selama tujuh hari itu telah memberikan impak positif peserta dalam merencana serta memperkasakan pendekatan program yang berbeza pada masa akan datang selain mampu menjadikan ULPM sebagai platform terbaik melahirkan mahasiswa aktif dan agresif.